

11/07/1998

Pendekatan luar biasa pulih ekonomi (HL)

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan sedang memikirkan pendekatan luar biasa bagi memulihkan segera ekonomi negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad.

Menurut Dr Mahathir, kaedah biasa bagi menangani kegawatan ekonomi tidak lagi mampu memulihkan keadaan kerana masalah yang dihadapi negara sekarang belum pernah dilalui sebelum ini.

Berikutan itu, katanya, kerajaan memerlukan kaedah baru yang luar biasa serta lebih inovatif, tetapi rancangan pemulihan yang baik sekalipun tidak akan berjaya tanpa sokongan padu semua pihak.

Justeru, Perdana Menteri meminta rakyat dan peniaga menyokong pendekatan baru apabila dilaksanakan nanti.

"Apabila kita perkenalkan sesuatu yang luar biasa sudah tentu ada pihak yang tidak bersetuju, itu perkara biasa. Namun kita perlukan tindakan bersama secara tersusun dan berdisiplin.

"Jika rakyat dan peniaga tidak memberi sokongan, kerajaan tidak boleh melaksanakan usaha pemulihan ekonomi," katanya ketika berucap pada majlis jamuan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini, malam ini.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli dan Timbalan Presiden DPMM, Datuk Abdul Rahman Maidin.

Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa memikirkan pendekatan baru kerana negara akan menghadapi masalah lebih berat seperti yang berlaku di negara jiran, sekiranya keadaan ekonomi sekarang dibiarkan.

Menurut Perdana Menteri, pendekatan luar biasa bukanlah perkara asing bagi negara kerana kerajaan pernah melaksanakannya sebelum ini, seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Persyarikatan Malaysia.

Beliau berkata, cara luar biasa yang dilaksanakan itu tidak saja berjaya memajukan ekonomi negara, malah menjadi perhatian dan ikutan sesetengah negara.

"Kita ambil dan laksanakan cara yang dikecam itu dan Alhamdulillah kita berjaya," katanya.

(END)